EVOLUSI DEKAD 7

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Terengganu



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

قرة قوستاكان چندكياون

"SUARA ILMU ASPIRASI CENDEKIAWAN"

JULAI

2026

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI

PROGRAM JELAJAH ILMU BERSAMA BAHAGIAN :
PEJABAT BENDAHARI

22 Julai 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran



DUNGUN, 22 Julai – Perpustakaan Cendekiawan telah menganjurkan Program Jelajah Ilmu Bersama Bahagian bertempat di Pejabat Bendahari, UiTM Cawangan Terengganu pada 22 Julai 2025. Sesi yang berlangsung dari jam 10.30 pagi hingga 12.30 tengah hari ini dihadiri seramai 13 orang staf Pejabat Bendahari sebagai satu inisiatif strategik untuk memperluaskan akses kepada perkhidmatan dan sumber maklumat perpustakaan. Menerusi program ini, para peserta diperkenalkan dengan Sistem PERMATA (Perpustakaan Digital UiTM) serta platform PERMATA Search yang membolehkan carian pelbagai bahan akademik seperti e-buku, jurnal, dan tesis dilakukan secara efisien menerusi satu platform sehenti.

Selain itu, peserta turut didedahkan dengan kaedah pencarian pangkalan data dalam talian (online databases) bagi menyokong keperluan penyelidikan dan pembangunan profesional, di samping pengenalan kepada aplikasi e-Lib yang menawarkan pelbagai kemudahan fleksibel di hujung jari. Penganjuran Jelajah Ilmu ini diharapkan dapat memperkasakan literasi maklumat dalam kalangan staf Pejabat Bendahari, seterusnya menggalakkan pemanfaatan sumber digital perpustakaan secara optimum demi menyokong kecemerlangan tugasan harian dan organisasi.



Penerangan ringkas dari Pembantu Pustakawan Kanan, Puan Hafsah Mustafa tentang Sistem Permata dan platform Permata Search



Pegawai yang telah berjaya memuat turun aplikasi e-Lib



Kakitangan yang telah berjaya memuat turun aplikasi e-Lib ke peranti masing-masing

SCAN ME



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI